

05 SEP 1997

Mahathir-Masalah

KERAJAAN MAHU TANGANI LEBIH AWAL BAHAYA SIKAP TIDAK TOLERAN

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menumpukan ucapannya terhadap agama pada Perhimpunan Agung Umno hari ini kerana mahu menangani lebih awal masalah yang mungkin timbul daripada bahaya sikap tidak toleran umat Islam.

Kerajaan lebih yakin untuk mengambil tindakan lebih awal dalam menangani masalah seperti itu sebelum ia menjadi bertambah rumit dan mengancam ketenteraman negara, katanya.

Perdana Menteri berkata kejayaan yang dinikmati Malaysia selama ini adalah hasil daripada keupayaan kerajaan mengesan tanda dan isyarat sesuatu masalah lebih awal.

"Kita percaya dengan sikap menangani sesuatu masalah pada peringkat seawal mungkin. Ia tidak berlaku sekarang, ia mungkin tidak akan berlaku untuk beberapa tahun akan datang tetapi sebelum masalah itu menjadi satu ancaman yang serius, kita harus menanganinya," katanya pada persidangan berita selepas tamat hari pertama perhimpunan agung itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta menjelaskan kenapa beliau menghuraikan dengan panjang lebar mengenai bahaya jika orang Islam bersikap tidak toleran sehingga boleh menghuru-harakan negara seperti yang berlaku di beberapa negara Islam lain.

"Saya dilatih sebagai seorang doktor dan kami mengesan sesuatu pada peringkat awal," katanya.

Ditanya mengenai ucapannya yang tidak langsung menyentuh isu dan permasalahan ekonomi yang melanda negara pada masa ini, Dr Mahathir berkata beliau telah bercakap secara khusus mengenainya semasa menyampaikan amanat kepada perwakilan menjelang perhimpunan agung, Rabu lepas.

"Jadi saya berpendapat ia memadai kerana penjelasan panjang lebar (mengenai isu ekonomi) sudah dibuat," katanya.

Ucapan dasar Dr Mahathir yang bertemakan "Menebus Maruah Bangsa dan Agama", berkisar sepenuhnya mengenai bahasa, agama, budaya dan rasuah.

Beliau juga berkata kerajaan bersedia mengkaji saranan mewujudkan sebuah badan amanah menjaga hartanah orang Melayu bagi membantu memajukan tanah rizab Melayu di seluruh negara.

Anggota perwakilan dari Kedah, Datuk Haji Badruddin Haji Amiruldin dalam perbahasannya mencadangkan sebuah badan dikenali sebagai Amanah Saham Harta Bumiputera diwujudkan untuk tujuan itu dan menegur sikap kerajaan yang gemar menubuhkan jawatankuasa sementara untuk menangani masalah semasa.

Dr Mahathir berkata ada kalanya peranan jawatankuasa sementara penting untuk merujuk sesuatu masalah dan melaksanakan tindakan bagi pihak kerajaan.

-- BERNAMA

HS RON